

KHUTBAH JUMAAT

“KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA” (13 Ogos 2021M/ 4 Muharam 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita semua berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhkan diri daripada segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan Allah *subhanahu wata'ala* mencurahkan rahmah, menyimbah barakah dan memberi pengampunan serta menjauhkan musibah daripada kita. Pada hari ini, minbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kepimpinan adalah satu perkara yang amat diambil berat oleh Islam dalam semua peringkat kehidupan, apatah lagi dalam sebuah negara. Oleh sebab itu, Islam mewajibkan pemilihan pemimpin negara bagi menguruskan hal ehwal Islam dan melaksanakan kemaslahatannya, serta menjamin seluruh rakyat jelata yang

bernaung di bawah kepimpinannya hidup dengan aman dan sejahtera.

Imam al-Ghazali *rahmatullahi alaih* dalam kitabnya *al-Iqtisad fi al-I'tiqad* berkata:

"الدِّينُ أَسُّ وَالسُّلْطَانُ حَارِسٌ وَمَا أَسٌّ لَهُ فَمَهْدُومٌ وَمَا لَا حَارِسَ لَهُ فَضَائِعٌ"

Maksudnya: Agama itu adalah asasnya sedangkan pemerintah sebagai pengawalanya. Apa yang tidak ada asasnya, nescaya boleh membawa keruntuhan dan apa yang tidak ada pengawalanya akan menjadi hilang.”

Ibnu Khaldun *rahmatullahi alaih* dalam kitabnya *al-Muqaddimah* juga menegaskan:

“Melantik pemimpin adalah wajib dan kewajipan tersebut dapat diketahui dalam syarak dengan ijmak para sahabat dan tabiin kerana para sahabat Rasulullah sallallahu alaihi wasallam ketika wafatnya Baginda, mereka bersegera memberi taat setia kepada Abu Bakar radiallahu anhu dan menyerahkan kepadanya urusan mereka. Demikianlah pada setiap zaman dan perkara ini telah tetap sebagai ijmak yang menunjukkan kewajipan melantik pemimpin.”

Bagi negara kita Malaysia yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan di mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilantik sebagai

Ketua Negara. Kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara meliputi peranan dan tanggungjawab Baginda dalam urusan dunia dan juga urusan agama sebagai Ketua Agama Islam. Kita amat bersyukur kerana Baginda selaku Ketua Negara telah bertindak memelihara keselamatan agama, negara dan rakyat daripada segala bentuk ancaman yang boleh memudaratkan serta telah berjaya mewujudkan kesepaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Imam al-Mawardi *rahimahullah* dalam Kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyah Wa al-Wilayaat ad-Diniyyah* menjelaskan bahawa di antara tanggungjawab sultan atau pemerintah dalam urusan pentadbiran negara adalah menjaga keselamatan agama, negara dan rakyatnya daripada segala bentuk ancaman yang boleh memudaratkan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berkaitan hal ini, ketika negara kita sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang mengancam kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan negara dan rakyat, Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara telah melaksanakan tanggungjawab Baginda berdasarkan kepada Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, dengan mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat secara khusus untuk Sarawak untuk menggantung pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri bagi menghalang daripada terus merebaknya wabak COVID-19 jika pilihan raya umum diadakan.

Proklamasi ini meliputi seluruh Negeri Sarawak mulai 2 Ogos 2021 hingga 2 Februari 2022.

Tindakan ini adalah selari dengan tanggungjawab pemimpin bagi menjaga masalah dan kepentingan negara dan rakyat yang dipimpinnya seperti yang dinyatakan oleh kaedah fiqh :

"تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ"

Maksudnya: *Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada masalah terhadap rakyat.*

Maslahah menurut Imam al-Ghazali *rahmatullahi alaih* dalam kitabnya *al-Mustasfa min 'ilm al-Usul* ialah:

"Mendatangkan manfaat dan menghalang kemudharatan."

Justeru, apa sahaja perkara yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia serta dalam masa yang sama ia menghalang keburukan dan kemudharatan ke atas diri mereka, adalah dianggap sebagai masalah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, peranan Yang di-Pertuan Agong tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya kita sebagai rakyat tidak memberikan kerjasama dan tidak menjalankan hak dan tanggungjawab sebagai rakyat dengan ketaatan. Ketaatan inilah yang dituntut daripada kita melalui prinsip Rukun Negara yang berbunyi "Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara".

Imam Muslim *rahimahullah* meriwayatkan hadis daripada Ibnu Umar *radiallahu anhuma*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

“Setiap orang Islam wajib mendengar dan mentaati dalam perkara yang dia sukai dan perkara yang dia benci, kecuali dia diperintah melakukan maksiat. Maka dia tidak boleh mendengar atau taat.”

Jadi, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita wajib mentaati pemimpin. Firman Allah *subhanahu wata’ala* dalam Surah an-Nisa’, ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ
فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pengajaran atau ibrah yang boleh kita ambil daripada khutbah pada

hari ini, antaranya ialah :

Pertama : Pemilihan pemimpin negara bagi menguruskan hal ehwal Islam dan melaksanakan kemaslahatannya, serta menjamin seluruh rakyat jelata yang bernaung di bawah kepimpinannya hidup dengan aman dan sejahtera adalah wajib.

Kedua : Semua usaha dan pendekatan yang diambil oleh pihak berkuasa termasuklah Proklamasi Darurat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah atas dasar masalah untuk negara dan rakyat.

Ketiga : Umat Islam di Malaysia umumnya dan di Sarawak khususnya hendaklah taat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Kerajaan selari dengan nas al-Quran dan hadis serta prinsip dalam Rukun Negara iaitu "Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'raf, ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya : *Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin menyeru kepada semua agar terus mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Masyarakat juga disaran agar segera mendaftar untuk suntikan vaksin COVID-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Semoga setiap urusan sama ada dari pihak kerajaan mahupun rakyat, dipermudahkan untuk mendapat vaksin secepatnya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اَللّٰهُمَّ اَشْفِنَا وَاَشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ طَهْوَرًا
لَهُمْ، وَاَرْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَاَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اَللّٰهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاَعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا اُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْنَ، اٰمِيْنَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

عِبَادَ اللّٰهِ. اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ. وَاِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَادْكُرُوا اللّٰهَ
الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللّٰهِ اَكْبَرُ. وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ. اَقِيْمُوا الصَّلَاةَ.